

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS
CARDIO-PULMONARY RESUSCITATION (CPR) DAN
JAMUAN MAKAN MALAM, DI SRI PERDANA,
KUALA LUMPUR, PADA HARI JUMAAT
9HB. FEBRUARI, 1990
PUKUL 8.00 MALAM

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri
Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
merangkap Penaung BAKTI;

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;

YABhg. Tun Omar & Loh Puan .

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;
Utara Pengarah Kesihatan
Yang Berbahagia ~~Pegawai-Pegawai Kanan~~
Kementerian Kesihatan;

Yang Berbahagia Pengarah Hospital Besar Kuala
Lumpur dan Pakar-pakar Perunding
Hospital Besar Kuala Lumpur;

Jumlahatib

Yang Berusaha CPR Instructors, para graduan;
Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati
sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, saya ingin mengalu-alukan kehadiran puan-puan dan tuan-tuan dan mengucapkan selamat datang dan terima kasih kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dengan ahli-ahli BAKTI di Majlis yang paling istimewa pada malam ini.

2. Tidak dapat kita nafikan bahawa penyakit jantung semakin meningkat di negara kita kerana beberapa faktor. Yang sedihnya ialah penyakit ini berlaku secara mengejut kepada sesetengah pesakit. Ada pesakit yang bernasib baik dan pulih semula, ada yang tidak bernasib baik dan meninggal dunia. Apa yang perlu ditekankan di sini ialah masa dan pertolongan cemas amatlah penting dalam

...menghadapi/-

menghadapi serangan penyakit jantung ataupun dalam kecemasan-kecemasan yang lain yang boleh berlaku bila-bila masa sahaja.

3. BAKTI amatlah peka dengan hal ini, lebih-lebih lagi setelah berlakunya peristiwa-peristiwa genting serta menyedihkan kepada ahli-ahli BAKTI sendiri. Setahun dahulu mungkin BAKTI tidak tahu apa ertinya CPR, apatah lagi terfikir untuk mempelajarinya. Pada bulan Julai 1989, BAKTI telah mengambil inisiatif untuk menghadiri kursus CPR - Cardio-Pulmonary Resuscitation Course. Minat BAKTI banyak didorong oleh Pakar-pakar Perunding kardiologi, Hospital Besar Kuala Lumpur yang ingin meluaskan latihan CPR ini kepada kumpulan-kumpulan

...masyarakat/-

masyarakat, khususnya kepada keluarga-keluarga pesakit jantung.

4. Sambutan daripada ahli-ahli BAKTI untuk menyertai kursus CPR di Hospital Besar Kuala Lumpur amatlah menggalakkan dan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang telah berminat dan berusaha menghadiri kursus selama sehari itu. Mereka berlatih dengan bersungguh-sungguh sehingga manikin-manikin "keletihan" akibat ditekan, ditampar dan dihembus. Kepada mereka yang tidak lulus dalam latihan ini, adalah diharapkan supaya mereka berusaha sekali lagi untuk mengambil praktikal atau teori sehingga berjaya.

... Saya/-

5. Saya bagi pihak BAKTI ingin merakamkan penghargaan BAKTI kepada Yang Berbahagia Dato Dr. Robaayah dan Pasukannya yang memberi ceramah dan latihan praktik kepada peserta-peserta BAKTI dengan suara profesional, penuh dengan ketabahan hati dan kesefahaman sehingga kami berjaya. Dengan penerangan-penerangan dan tunjuk ajar yang diberi oleh tiap-tiap satu instruktur, CPR tidaklah menakutkan atau menjadi suatu perkara yang susah.

Puan=puan dan Tuan=tuan,

6. Majlis ini memberi peluang kepada pihak Hospital Besar Kuala Lumpur menyampaikan Sijil-Sijil CPR kepada peserta-peserta BAKTI yang lulus dalam bahagian teori dan

praktikal. Ahli-ahli BAKTI perlulah memahami bahawa kursus CPR ini amatlah penting diketahui dengan betul. Mungkin Pengarah HDKL akan menerangkan bahawa peserta-peserta perlu mengulangi kursus ini setiap dua tahun supaya tidak lupa peraturan-peraturan CPR. Saya berharap peserta-peserta yang perlu mengulangi latihan praktik berbuat secepat mungkin supaya berjaya dengan sempurna.

7. Selain daripada upacara penyampaian sijil ini, BAKTI mengambil peluang untuk menyampaikan sumbangan BAKTI berupa manikin-manikin bagi kegunaan dalam latihan CPR. BAKTI menyedari bahawa manikin tidak mencukupi di kelas CPR. Peserta-peserta tidak dibenarkan untuk mempraktikkannya ke atas kawan-kawan atau suami mereka di rumah.

...Keadaan/

Keadaan manikin-manikin dalam kelas telah pun uzur dan teruk. Oleh yang demikian, sebagai penghargaan BAKTI kepada HBKL di atas kegigihan pasukan pelatih CPRnya untuk memperluaskan lagi latihan CPR ini, BAKTI dengan sukacitanya menyumbangkan satu set manikin – adult, child and infant manikin kepada HBKL. Satu demonstrasi oleh peserta-peserta BAKTI yang terbaik sekali akan diadakan nanti.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Soalan yang sentiasa ditanya-tanya oleh ahli-ahli dalam BAKTI sekarang ialah “Kalau Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen pengsan, bolehlah isteri-isteri mereka memberi CPR.

... Bagaimana/-

Bagaimana pula kalau isteri yang pengsan? Adakah si suami pandai memberi CPR kepada isteri? Takkanlah mereka berdiam diri sahaja tidak mahu menolong kita pula?" Soalan ini saya serahkan kepada Jemaah Menteri untuk merenung sedalam-dalamnya jasa-jasa isteri mereka menolong mereka dalam kecemasan, supaya bertindak sewajarnya.

9. Saya juga ingin menyeru kepada ahli-ahli BAKTI yang belum lagi menyertai latihan CPR supaya berbuat demikian. Mempelajari CPR tidak akan merugikan kita tetapi akan memberi keyakinan kepada kita untuk bertindak cepat sekiranya berlaku kecemasan ke atas suami dan keluarga kita sendiri.

,... Sebelum/—

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terlebih dahulu saya menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada:

- a) Yang Berbahagia Dato Dr. Robaayah dan Pasukan Instrukturnya,
- b) HBKL kerana kerjasamanya,
- c) Ahli-ahli BAKTI yang turut menyertai latihan CPR,
- d) JKK Pendidikan BAKTI yang menguruskan majlis ini.
- a) Penaung dan tetamu kehormat yang turut hadir.

11. Semoga Tahun Baru 1990 ini akan membawa kita semua kepada kesejahteraan, kemakmuran dan kebahagiaan selama-lamanya. Insya-Allah.

Terima kasih.

